

BISNES (/BISNES) » Lain-lain (Bisnes) (/bisnes/lain-lain)

Khamis, 18 April 2024 | 10:56pm



Cari Kata Kunci



Menara Merdeka 118 -NSTP/EIZAIRI SHAMSUDINZ/

## Menara Merdeka 118 dapat pensijilan Platinum LEED

BERNAMA

KUALA LUMPUR: Projek menara Merdeka 118 PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd (PNBMV) melakar sejarah apabila dianugerahkan pensijilan Platinum Kepimpinan dalam Tenaga dan Rekabentuk Alam Sekitar (LEED) dalam sistem penarafan Teras dan Shell LEED v2009.

PNBMV ialah anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Bhd (PNB).

Dalam satu kenyataan hari ini, PNBMV berkata pensijilan LEED mengiktiraf pematuhan projek itu selari dengan kriteria yang digariskan dalam sistem penarafan LEED, yang ditubuhkan oleh Majlis Bangunan Hijau Amerika Syarikat (USGBC).

Ketua Pegawai Eksekutif PNBMV, Tengku Datuk Ab Aziz Tengku Mahmud, berkata pensijilan Platinum LEED menandakan pencapaian besar pertama dalam perjalanan Merdeka 118 untuk menjadi bangunan mega tinggi pertama di Malaysia yang memperoleh penarafan platinum tiga-hijau.

"Apabila menara Merdeka 118 menerima kesemua pensijilan platinumnya nanti, ia akan menetapkan standard kelestarian tertinggi bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di peringkat antarabangsa, mengukuhkan lagi statusnya yang ikonik," katanya.

Beliau berkata, USGBC menilai projek Merdeka 118 dalam bidang kelestarian tapak, kecekapan penggunaan air, tenaga dan atmosfera, bahan dan sumber, kualiti persekitaran dalaman, dan inovasi dalam reka bentuk.

"Kredit juga diberikan kepada landskap yang cekap air, pengurangan penggunaan air, prestasi tenaga yang dioptimumkan dan peningkatan penyelarasan.

"Pengiktirafan yang selayaknya ini adalah bukti dedikasi dan kerja keras pasukan kami serta penggunaan amalan terbaik dalam reka bentuk dan pembinaan," katanya.

Menurut PNBMV, Merdeka 118 sedang menyasarkan pensijilan Platinum dari Green Real Estate (GreenRE) dan Green Building Index (GBI).

Ia juga bakal mendapatkan pensijilan WELL daripada International WELL Building Institute Asia Pacific, menyokong kesejahteraan para penyewa dan komuniti di sekitarnya.

-BERNAMA

## Berita Berkaitan

(/berita/nasional/2024/01/1198769/menara-merdeka-118-kejayaan-malaysia-meniti-liku-kemerdekaan)

**Menara Merdeka 118 kejayaan Malaysia meniti liku kemerdekaan**  
(/berita/nasional/2024/01/1198769/menara-merdeka-118-kejayaan-malaysia-meniti-liku-kemerdekaan)

(/bisnes/lain-lain/2023/12/1192607/menara-118-akan-dilancarkan-bulan-depan)

(/berita/nasional/2024/01/1198764/agong-rasmi-menara-merdeka-118)

**Agong rasmi Menara Merdeka 118**  
(/berita/nasional/2024/01/1198764/agong-rasmi-menara-merdeka-118)

(/berita/nasional/2023/12/1184036/sultan-selangor-kagum-teknologi-pembinaan-menara-merdeka-118)

**Sultan Selangor kagum teknologi pembinaan Menara Merdeka 118**  
(/berita/nasional/2023/12/1184036/sultan-selangor-kagum-teknologi-pembinaan-menara-merdeka-118)

(/sukan/lain-lain/2024/01/1198782/stadium-merdeka-dibuka-semula-suku-kedua-tahun-ini)